



www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (2) Disember 2018 (037-053)

Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Analisis Sosiokognitif

Harishon binti Radzi
naslin@ukm.edu.my

Nurul Husna binti Abdul Halim
Nurulhusnahalim94@yahoo.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Teknologi maklumat merupakan bidang yang memainkan peranan dalam memudahkan kerja-kerja manusia dan bidang ini berkembang dengan pesat. Perkembangan sesuatu bidang memerlukan istilah bagi membawa konsep bidang tersebut. Penggunaan teknologi maklumat turut dipengaruhi oleh latar belakang sosial. Hal ini dapat menjelaskan alasan teknologi maklumat hanya digunakan oleh golongan tertentu. Oleh itu, kajian ini membincangkan tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan analisis sosiokognitif. Aspek sosiokognitif yang diteliti dalam kajian ini melibatkan pengetahuan istilah teknologi maklumat yang diteliti berdasarkan umur, program pengajian dan kawasan tempat tinggal. Antara objektif yang menjadi panduan kajian ini; pertamanya adalah untuk mengukur tahappengetahuan pelajar tahun tiga Pusat Penyelidikan dan Kelestarian Sains Bahasa (PPKSB) terhadap istilah teknologi maklumat. Objektif kedua pula ialah untuk menghuraikan tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat berteraskan pendekatan sosiokognitif. Kajian ini melibatkan 100 orang responden dari kalangan pelajar Linguistik tahun akhir (50 orang) dan pelajar English Language Studies (ELS) (50 orang). Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pengetahuan pelajar universiti terhadap istilah teknologi maklumat adalah 'sangat baik'. Aspek pengetahuan ini diteliti berasaskan latar belakang informan. Sehubungan itu, kajian ini telah meneliti pertalian antara latar belakang sosial yang mempengaruhi kognitif pelajar universiti terhadap istilah teknologi maklumat.

Kata kunci: teknologi maklumat, sosiokognitif, istilah, pengetahuan social

The Level Of Knowledge On Terminology Of Information Technology Among University Students: A Socio-Cognitive Analysis

Abstract

Information technology is a field that plays a role in facilitating the work of man and the field is growing rapidly. The development of a field need to bring the concept of term field. The use of information technology is also influenced by social background. This may explain why the information technology used only by certain groups. Therefore, this study discusses, the level of

knowledge on terminology of information technology among university students based on a socio-cognitive analysis. Socio-cognitive aspect examined in this study involves, age, program of study and area of residence. Among the objectives that guided the study; first, to measure the level of knowledge of the third year students of the Center for Research and Language Sustainability (PPKSB) on the term of information technology. The second objective was to explain the knowledge of information technology terms based on sociocognitive approaches. A total 100 informants were selected - Linguistics final year students (50 people) and Inggeris Language Studies (ELS) students (50 people). Overall, the research result shows the acceptance of university students to the term of information technology is 'very good'. These receipts are reviewed based on informants background. In this regard, this study examines the relationship between social backgrounds that affect the cognitives of university students on the term of information technology.

Keywords: information technology, socio-cognitive, terms, knowledge and social.

Pengenalan

Teknologi merupakan satu fenomena yang dicipta oleh manusia bagi memberi keselesaan dan keselamatan terhadap masyarakat dan situasi ini sudah tidak asing lagi pada masa kini. Hal ini termasuklah dengan bidang teknologi maklumat yang telah memberi impak yang begitu besar kepada kehidupan manusia. Melalui teknologi ini penggunadapat menerima serta menyampaikan maklumat dengan cepat dan mudah. Mokhtar Ahmad (1999) menyatakan bahawa teknologi maklumat merupakan semua jenis teknologi yang digunakan untuk memproses (*processing*), menyimpan (*storing*), dan memindahkan (*transmitting*) maklumat dalam bentuk elektronik. Seterusnya, Behan & Homes (1990) dalam Abdul Razak Hamdan et al. (2004) mentakrifkan teknologi maklumat sebagai pemerihalan teknologi yang membolehkan seseorang pengguna merekod, menyimpan, memproses, mendapatkan semula, menghantar dan menerima maklumat. Aktiviti tersebut hanya boleh dilakukan oleh komputer. Oleh itu, teknologi maklumat sering dikaitkan dengan komputer. Jadi, peralatan-peralatan fizikal seperti perkakasan komunikasi termasuklah telefon dan mesin faks serta rangkaian seperti internet dan e-mel digunakan untuk tujuan yang sama, iaitu menyampaikan maklumat dengan pantas.

Teknologi ini telah berkembang dengan pantas dan telah diterima baik dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Kebanyakannya manusia mempunyai pengetahuan mengenai bidang yang berkonsepkan komputer, walaupun pengetahuan yang asas sahaja. Setiap lapisan masyarakat tidak mengira umur dapat menerapkan pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dalam kehidupan mereka. Hal ini menunjukkan teknologi maklumat berguna untuk tujuan menyampaikan maklumat ataupun berkomunikasi antara satu sama lain. Penerimaan masyarakat telah membawa kemajuan kepada bidang ini. Ekoran itu, peralatan, perkakasan, dan aktiviti yang terdapat dalam bidang teknologi maklumat telah membawa kepada wujudnya banyak istilah baharu yang berkaitan dengan bidang ini. Kebanyakan istilah terdiri daripada istilah bahasa Inggeris (BI), namun telah diterjemah dan disesuaikan dalam bidang teknologi maklumat di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan. Walaupun tidak ramai yang mengetahui tentang istilah teknologi maklumat, namun begitu masih terdapat segelintir pengguna yang peka akan perubahan ini.

Terdapat beberapa kajian teknologi maklumat seperti kajian oleh Nik Hairi Omar, Mohd Azal Mohamd Salleh & Norizan Abdul Razak (2006). Kajian mereka berkaitan kecekapan teknologi komunikasi maklumat ke atas pelajar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. Mereka berpendapat, teknologi maklumat harus dimanfaatkan oleh pelajar universiti bagi memperolehi kemahiran serta menjadikannya sebagai satu imbuhan untuk memasuki pasaran kerja. Dapatan yang diperolehi oleh kajian beliau telah membuktikan pelajar tahun satu FSSK, UKM mempunyai pengetahuan yang terhadap serta kemahiran yang kurang baik terhadap perisian dalam teknologi maklumat iaitu *Microsoft Word*, *Excel*, *Power Point* dan sebagainya yang lazim sebagai perisian pejabat. Seterusnya kajian perkaitan

dengan latar belakang sosial dan teknologi maklumat. Zawiyah Mohammad Yusof & Norli Mohamed Noor (2010) telah meneliti tentang *Konflik dan Kesamaran Peranan dalam Kalangan Personel Teknologi Maklumat dalam Perkhidmatan Tentera Darat Malaysia*. Walaupun kajian mereka tidak memperincikan mengenai teknologi maklumat namun, mereka telah membuktikan bahawa latar belakang sosial telah mempengaruhi konflik yang dialami oleh personel teknologi maklumat tentera darat Malaysia.

Kajian berkaitan teknologi maklumat turut diketengah oleh Rahmad Sukor Ab Samad & Muhd Subhi Marsan (2001). Kajian mereka iaitu *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengurusan Sekolah* telah mengemukakan mengenai manfaat yang boleh dibawa oleh bidang teknologi maklumat kepada pengurusan sesebuah organisasi besar seperti sekolah. Bidang teknologi maklumat sekiranya dimanfaatkan dengan sebaiknya mampu memberi faedah yang baik kepada pengurusan sekolah. Kajian Rahmad Sukor Ab Samad & Muhd Subhi Marsan (2001) memfokuskan kepada pengurusan sekolah. Berbeza pula dengan kajian Noor Aini Ahmad (2014) yang memfokuskan kepada pengajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak awal umur. Walaupun fokus mereka berbeza namun, matlamat mereka masih sama iaitu ingin menyatakan manfaat bidang teknologi maklumat kepada masyarakat terutamanya pendidikan. Dalam kajian Noor Aini Ahmad (2014) menyatakan bahawa teknologi maklumat seperti teks, grafik dan audio dapat membantu para pendidik untuk menerapkan proses pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak kerana bahan ini dapat digunakan secara berulang. Hal ini secara tidak langsung dapat meringankan tugas pendidik.

Seterusnya, kajian istilah dalam sesuatu bidang juga telah banyak dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Rusli Abdul Ghani & Hazimah Yusof (2001) dalam kajian mereka, *Penggunaan Istilah Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Suatu Kajian Berdasarkan Teks Akhbar Harian*, telah mengumpulkan istilah teknologi maklumat dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia. Hal ini sebagai usaha dalam mempercepatkan proses pembentukan istilah oleh pakar istilah dalam bidang yang pesat berkembang seperti bidang teknologi maklumat supaya penyampaian ilmu dalam bidang ini tidak jauh ketinggalan dalam bahasa Melayu di Malaysia. Kajian ini telah membuktikan bahawa proses pembentukan istilah menjadi lebih mencabar dari masa ke masa.

Terdapat juga kajian yang memanfaatkan pendekatan sosiokognitif atau teori sosiokognitif untuk melihat/menjelaskan fenomena penguasaan bahasa. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Junaini Kasdan (2007) dan kajian Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad (2010). Kajian Junaini Kasdan melibatkan penelitian terhadap istilah teknologi maklumat. Berdasarkan kajian ini, istilah teknologi maklumat yang dipersetujui oleh MABBIM telah dilihat antara dua buah negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Kajian ini juga sebagai usaha dalam mengangkat istilah yang telah digubal dan dipersetujui oleh MABBIM. Di samping itu, teori relevan turut dimanfaatkan dalam kajian tersebut bagi menjelaskan tahap penerimaan istilah-istilah tersebut dalam kalangan pengguna IT di kedua-dua negara. Manakala Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad (2010) mengkaji *Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu*. Berdasarkan kajian ini Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2010) menyatakan bahawa pembelajaran terhadap sesuatu bahasa dipengaruhi oleh sikap yang positif dan juga persepsi yang tinggi para remaja. Kewajipan untuk lulus bahasa Melayu di sekolah telah dapat mengekalkan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Seterusnya, Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad (2011) juga mengkaji tentang sosiokognitif. Kajian “bersama” dan “bersama-sama dengan”: *Analisis Sosiokognitif* meninjau penggunaan kata kerja transitif ini dalam karangan para remaja yang dianggap salah penggunaannya oleh *Tatabahasa Dewan*. Junaini Kasdan (2011) pula telah mengkaji mengenai *Sikap, Persepsi Dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Sosiokognitif*.

Secara kesuluruhannya, walaupun banyak kajian berkaitan istilah, sosiokognitif dan juga teknologi maklumat yang berasaskan kepada penggunaan masyarakat namun, kajian terhadap istilah teknologi maklumat berdasarkan pendekatan linguistik belum pernah dikaji lebih-lebih lagi dalam pengetahuan istilah yang menggunakan analisis sosiokognitif.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah:

1. untuk mengukur tahap pengetahuan pelajar tahun tiga Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa terhadap istilah teknologi maklumat.
2. untuk menjelaskan tahap pengetahuan istilah teknologi maklumat berteraskan pendekatan sosiokognitif.

Metodologi Kajian

Proses mendapatkan data diperoleh menerusi kaedah soal selidik. Maklumat yang terkandung dalam soal selidik dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A dikemukakan untuk mengetahui demografi informan seperti umur, jantina tahap pendidikan, jurusan pengajian dan kawasan tempat tinggal. Soalan-soalan ini penting dalam memberi maklumat latar belakang informan yang berkemungkinan mempunyai perkaitannya dengan kognitif informan terhadap istilah yang telah dipilih dan diuji oleh pengkaji. Bahagian B bertujuan untuk meneliti pengetahuan responden terhadap leksikal yang dikaji. Kajian ini tidak menggunakan skala likert biasa dalam pengumpulan data kajian. Kaedah pemarkahan diadaptasi dan disesuaikan daripada kajian Junaini Kasdan (2013). Seterusnya, jawapan akan dianalisis bagi melihat tahap pengetahuan informan berkaitan istilah yang telah dipilih. Kupasan bagi setiap istilah yang dipilih dalam kajian ini adalah untuk melihat taburan tahap pengetahuan responden terhadap istilah teknologi maklumat dan penglibatan sosial dan kognitif sebagai peranan yang penting dalam menentukan pengetahuan istilah teknologi maklumat dalam kalangan pelajar tahun akhir PPKSB.

Tahap pengetahuan respondendiukur menggunakan kaedah yang disesuaikan daripada kaedah skala pengetahuan kosa kata (VKS - *Vocabulary Knowledge Scale*), iaitu kaedah penilaian laporan-kendiri berasaskan tahap pengetahuan pembelajaran leksikal yang dipelopori oleh Dale (1965). Seterusnya kaedah ini juga telah diaplikasikan oleh Wesche & Paribakht (1996) dalam kajian yang bertujuan melihat tahap pengetahuan leksikal pelajar *ELL* (*An English language learner*)(dalam Junaini Kasdan 2013; Anati Hamidah 2016). Berdasarkan kaedah ini, responden dapat menilai sendiri tahap pengetahuan mereka terhadap sesuatu istilah yang telah disenaraikan oleh pengkaji.

Terdapat lima tahap pengukuran yang diadaptasikan daripada kajian Junaini Kasdan (2013) yang digunakan dan disesuaikan dalam kajian ini iaitu :

Bil	Skala	Markah
1	“saya tidak pernah mendengar atau melihat istilah ini”	1
2	“saya pernah mendengar atau melihat istilah ini”	2
3	“saya tahu makna istilah ini, tetapi tidak pasti betul atau salah”	3
4	“saya tahu makna istilah ini dengan pasti”	4
5	“saya tahu makna istilah ini dan boleh menggunakannya dalam ayat dengan betul”	5

Kawasan kajian ialah di Pusat Penyelidikan dan Kelestarian Sains Bahasa (PPKSB), FSSK, UKM Bangi. Responden terdiri dalam kalangan pelajar tahun tiga program Linguistik (50 orang) dan *English Language Studies* (ELS) (50 orang). Kumpulan pelajar tersebut dipilih sebagai responden kajian kerana mereka mahasiswa universiti yang bukan sahaja tahu tentang teknologi maklumat, malah teknologi maklumat ini amat dekat dengan urusan seharian mereka di universiti.

Jadual 1: Contoh Pengukuran Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat dalam Kalangan Responden

Istilah	Skala Pengetahuan				
	1	2	3	4	5
Tetikus					Saya tidak menggunakan tetikus semasa menaip tugas dalam komputer riba
Cakera keras				√	
Kad tebuk	√				

Bagi tujuan mengenal pasti tahap pengetahuan istilah, sebanyak 20 istilah dikemukakan kepada responden yang melibatkan istilah alatan, aktiviti dan atur cara teknologi maklumat (rujuk jadual 2). Jumlah markah dikelompokkan kepada ‘lemah’ (0.0% – 25.9%) ‘sederhana’ (26.0% – 50.9%), ‘baik’ (51.0% – 75.9%) dan ‘sangat baik’ (76.0% – 100.0%).

Jadual 2: Istilah Teknologi Maklumat yang Diuji dalam Kajian ini.


Alatan	Aktiviti	Aturcara
Tetikus	Luar talian	Tapak web
Pencetak	Dalam talian	Lelaman web
Kad tebuk	Pratonton	
Pengimbas	Muat naik	
Ingatan capaian rawak (RAM)	Muat turun	
Papan kekunci	Sandar	
Cakera video digital (DVD)	Potong dan tampal	
Cakera keras	Sunting	
	Penggodaman	
	Log masuk/log keluar	

Perbincangan

Pengetahuan dapat dijelaskan sebagai hasil daripada “tahu” seseorang setelah orang tersebut melakukan sesuatu dengan menggunakan pancaindera seperti pemerhatian, pendengaran, rasa dan juga sentuhan (Notoatmodjo 2003). Sebahagian besar pengetahuan manusia diperoleh melalui pendidikan, pengalaman orang lain, media massa ataupun persekitarannya. Menurut Mohd Khairul Anuar (2011), pengetahuan ialah perihai mengetahui akan apa-apa yang diketahui mengenai pelbagai perkara. Meliono dan Irmayanti (2007) pula menjelaskan bahawa pengetahuan adalah pelbagai gejala yang ditemui dan diperoleh manusia melalui pengamatan melalui indera. Pengetahuan muncul ketika seseorang menggunakan indera atau budinya untuk mengenali benda atau kejadian tertentu yang belum pernah dilihat atau dirasakan sebelumnya. Seterusnya, dalam Oxford English Dictionary edisi kedua (1989), pengetahuan didefinisikan sebagai kepakaran atau kemahiran seseorang melalui pengalaman atau pembelajaran sama ada secara praktikal atau teoritikal terhadap sesuatu subjek (dalam Anati Hamidah 2016). Proses mencari ilmu


pengetahuan mesti dilakukan secara berterusan agar boleh berkembang maju dan dapat memberikan sumbangan lebih baik dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup dan transformasi masyarakat (Azizan 2005). Dalam erti kata lain, pengetahuan merupakan sesuatu perkara yang dapat dikenal pasti melalui pengalaman dan pembelajaran yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung, yang dikutip sama ada di rumah ataupun di sekolah.

Berdasarkan latar belakang sosial responden. Tahap pengetahuan responden dibahagikan kepada empat, iaitu 'tidak baik' (0-25), 'sederhana' (26-50), 'baik' (51-75) dan 'sangat baik' (76-100). Pengkaji telah meneliti secara menyeluruh istilah-istilah yang terdiri daripada alatan, aktiviti dan juga atur cara dalam bidang teknologi maklumat (seperti disenaraikan di atas).



Rajah 1: Peratusan Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mendapati majoriti responden mempunyai pengetahuan yang sangat baik terhadap istilah teknologi maklumat. Hal ini demikian kerana penggunaan teknologi dalam kalangan generasi sekarang adalah tinggi. Hal ini sesuai dengan pernyataan S. Z. Abdul Manaf et al. (2015), penggunaan teknologi yang meluas sudah sebatik dalam kehidupan generasi Y. Generasi Y merujuk kepada kelompok generasi manusia yang lahir sekitar tahun 1981 sehingga 1994. Generasi Y juga diberi gelaran sebagai *young max* atau *net generation* iaitu bagi menunjukkan sifat-sifat tipikal generasi baru yang sentiasa melibatkan penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian mereka. Berdasarkan rajah 1, tahap 'tidak baik' iaitu (0-25%) tidak ditemui dalam kajian ini.



Rajah2: Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat Mengikut Umur

Berdasarkan rajah 2, kelompok umur antara 22-24 tahun lebih menguasai istilah dalam bidang teknologi maklumat. Peratusan penerimaan istilah teknologi maklumat bagi lingkungan umur 22-24 tahun sebanyak 78.0% adalah berada pada tahap yang sangat baik berbanding hanya 4.0% daripada lingkungan umur 19-21 tahun dan 7.0% merupakan peratusan penerimaan istilah teknologi maklumat bagi lingkungan umur 25-27 tahun. Perbezaan yang sangat ketara adalah disebabkan lingkungan umur 22-24 tahun paling aktif menggunakan teknologi maklumat.

Seterusnya dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan sosiokognitif untuk melihat dan menganalisis pertalian umur, program pengajian dan kawasan tempat tinggal sebagai unsur sosial yang melatarbelakangi penerimaan responden sebagai unsur kognitif terhadap istilah teknologi maklumat. Dengan kata lain, apabila responden melihat istilah 'tetikus' dalam soal selidik, sebanyak 93.0% responden mengetahui makna istilah ini dan dapat menggunakannya dalam ayat dengan betul kerana 'tetikus' sudah menjadi kebiasaan dalam bidang teknologi maklumat. Selain itu, 6.0% tahu istilah ini dengan pasti dan 1.0% pernah mendengar dan melihat istilah ini. Hal ini demikian kerana, kebiasaan dan pengalaman responden menggunakan 'tetikus' sebagai salah satu alatan komputer yang digunakan sebagai petunjuk dan mengawal kursor dan untuk memilih objek atau fail yang terdapat pada tabir paparan komputer. Nama 'tetikus' bukanlah dipilih disebabkan bentuknya yang menyerupai tikus kerana mempunyai wayar seakan-akan ekor tikus malah kerana perilakunya yang menyamai perilaku tikus. Dengan kata lain, fungsi 'tetikus' adalah untuk 'menggerakkan', 'menyelongkar', dan 'mencari' apa-apa sahaja yang ada di dalam komputer dengan menempatkan dan menghalakan kursor di paparan skrin komputer (Junaini Kasdan et al. 2017).


Pencipta *mouse* Douglas Engelbart mempatenkan ciptaanya dan menyebut fungsi *mouse* sebagai: *"An X-Y position indicator control for movement by the hand over any surface to move a cursor of the display on a cathode ray tube, the indicator control generating signals indicating its position to cause a cursor to be displayed on the tube at the corresponding position..."*

(The Computer Mouse: A Timeline <https://www.coursehero.com/>)

Pada awal penciptaannya 'tetikus' digerakkan dengan bebola yang disentuh pada permukaan rata dan keras namun, kini telah berubah kepada sinar optik dan sebagainya. Bukan itu sahaja, bentuknya turut berubah daripada berbentuk segi empat kepada bentuk yang lebih menarik seperti kereta, bulat dan juga bentuk lain serta sudah tidak lagi menggunakan wayar sebagai penyambungnyapada komputer. Meski

pun bentuknya sudah berubah kepada lebih canggih dan menarik namun fungsinya tetap sama iaitu membantu ‘menyelongkar’ seperti sifat tikus yang amat suka menyelongkar sampah sarap (Junaini Kasdan et al. 2017).

Istilah ini telah disesuaikan konsep dengan sifat haiwan iaitu tikus. Namun, istilah ini telah mengalami terjemahan dan penggandaan separa. Menurut S. Nathesan (2001), istilah-istilah turut memanfaatkan imbuhan sisipan untuk membentuk istilah khusus dalam bidang-bidang tertentu. Malahan, dalam proses ini istilah-istilah yang dibentuk adalah untuk menjadi kata padanan bagi istilah pinjaman daripada bahasa sumber. Hal ini adalah disebabkan ketiadaan kata untuk konsep yang dibawa oleh istilah bahasa sumber. *Mouse* jika diterjemahkan secara terus bermaksud ‘tikus’ yang merupakan haiwan yang tidak menjadi kegemaran masyarakat Melayu kerana sifatnya. Ciri-ciri yang terdapat pada istilah ‘tetikus’ telah membantu pemprosesan untuk memahami istilah tersebut. Di samping itu, konsep juga telah memainkan peranannya yang penting dalam pengetahuan sesuatu istilah itu. Gabungan antara ciri dan konsep akan membentuk istilah di samping mempunyai hubungan dengan konsep-konsep lain dalam bidang yang sama (Puteri Roslina 2012). Oleh itu, dengan wujudnya konsep mengenai ‘tetikus’ dalam fikiran responden akan memudahkan responden mengetahui dan seterusnya menerima istilah ini sebagai salah satu istilah yang membawa ciri-ciri objek tersebut.



Gambar 2: Panduan di Portal Rasmi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Sumber: (<http://www.miti.gov.my/>)

Gambar 1 dan 2 ialah contoh aplikasi manual atau arahan yang menggunakan istilah ‘muat naik’ dalam Portal Rasmi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Hasil kajian, mendapati bahawa 83.0% responden mengetahui istilah ‘muat naik’ dan dapat menggunakan dalam ayat dengan betul. Sebanyak 13.0% responden tahu istilah ini dengan pasti dan 2.0% responden tahu tetapi tidak pasti betul atau salah dan 2.0% lagi pernah mendengar dan melihat istilah ini. ‘Muat naik’ merupakan istilah yang merujuk kepada salah satu aktiviti dalam bidang teknologi maklumat. Istilah ini merupakan padanan dari bahasa sumbernya bahasa Inggeris iaitu *upload*.


Istilah ‘muat naik’ juga agak tidak asing bagi masyarakat zaman ini kerana penggunaannya cukup meluas, terutamanya dalam portal kerajaan. Bukan itu sahaja, media sosial juga menggunakan istilah ‘muat naik’. Walaupun pada mulanya media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya menggunakan bahasa Inggeris namun, perkembangan telah menyebabkan media sosial ini boleh digunakan dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa Melayu. Jadi, istilah ‘muat naik’ sering ditemui dalam media sosial yang sudah diketahui umum sebagai medium yang digunakan oleh generasi masa kini. Istilah ‘muat naik’ dimaklumkan sebagai istilah yang paling mudah diketahui kerana terjemahan secara langsung dan masih mendukung konsep yang sama. Selain itu, istilah ini juga ditemui digunakan dalam penulisan-penulisan akhbar. Sebagai contoh:

KUALA LUMPUR: Pelakon Nelydia Senrose memuat naik foto resit pembayaran cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bertarikh 4 April 2017 untuk tahun taksiran 2013 menerusi akaun Instagram miliknya, malam tadi...

Berita Harian, 22 April 2017.

JOHOR BAHRU - Polis menahan seorang lelaki yang dipercayai memuat naik kenyataan jelik terhadap Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerusi laman sosial Facebook...

Sinar Harian, 23 Mac 2017.



Rajah 3: Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat Mengikut Program Pengajian

Rajah3 menunjukkan program pengajian melatari pengetahuan responden terhadap istilah-istilah teknologi maklumat yang telah disenaraikan. Hasil kajian mendapati 46 orang responden (46.0%) daripada program linguistik menunjukkan pengetahuan yang sangat baik terhadap istilah-istilah yang telah diuji dan diikuti oleh empat orang responden (4.0%) mempunyai pengetahuan yang baik. Manakala bagi program ELS pula 43 orang responden (43.0%) mengetahui istilah tersebut dengan sangat baik dan

lima orang responden (5.0%) mengetahui pada tahap ‘baik’ sahaja. Terdapat dua orang responden (2.0%) mempunyai mengetahui istilah pada tahap sederhana bagi program ELS. Hal ini demikian kerana, bahasa pengantar yang digunakan adalah berbeza. Bagi program Linguistik di UKM, bahasa pengantar adalah bahasa Melayu, manakala bagi program ELS ialah bahasa Inggeris. Istilah-istilah yang diuji dalam kajian ini merupakan kata khusus bahasa Melayu dalam bidang teknologi maklumat. Hal ini seterusnya menyebabkan sebilangan kecil responden dari program ELS tidak dapat mengetahui beberapa istilah yang telah disenaraikan dalam kajian ini.

Bidang-bidang teknologi kebanyakannya berkembang pesat dalam bahasa Inggeris. Peristilahan dalam bahasa Melayu merupakan usaha untuk memperkasakan serta mengembangkan bahasa Melayu dalam bidang-bidang ilmu. Dalam artikel Utusan Online yang bertarikh 3 April 2005 Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata:


...Kita terpaksa mengakui bahawa paksi ilmu pengetahuan pelbagai bidang, terutamanya berkaitan sains dan teknologi berada di dunia Barat yang bahasa pengantar utamanya ialah bahasa Inggeris. Jumlah jurnal, buku, rancangan televisyen, laman web dan courseware berkaitan sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris jauh lebih banyak daripada mana-mana bahasa lain...

Utusan Online, 3 April 2005.

Pernyataan ini jelas menunjukkan pengaruh bahasa Inggeris lebih kuat berbanding bahasa Melayu, terutamanya dalam bidang-bidang teknologi. Oleh itu, hal ini telah menyebabkan berlaku kekeliruan dalam mengetahui makna sesuatu istilah itu terutamanya dalam bahasa Melayu.

Selanjutnya, responden didapati sukar memberi makna bagi istilah ‘kad tebuk’, ‘tapak web’ dan ‘sandar’. Bagi istilah ‘kad tebuk’ hanya 12.0% yang tahu istilah dan dapat menggunakannya dalam ayat dengan betul. Sebanyak 43.0% tidak pernah mendengar istilah ini diikuti dengan 10.0% pernah mendengar atau melihat istilah ini. Selebihnya, 17.0% tahu makna istilah tetapi tidak pasti betul atau tidak dan 18.0% tahu makna istilah ini dengan pasti. Peratusan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan majoriti responden tidak pernah mendengar akan istilah ini. Dalam erti kata lain, responden tidak biasa dengan istilah ini walaupun istilah ini digunakan dalam bidang teknologi maklumat.

‘Kad tebuk’ merupakan alatan yang penting dalam penggunaan pengkomputeran secara automatik. Alat ini juga membantu dalam melancarkan sesuatu peralihan data dari mesin kepada kad. Nama ‘kad tebuk’ dibentuk hasil daripada terjemahan bahasa sumbernya iaitu *punch card*. Cara ‘kad tebuk’ menunjukkan maklumat adalah dengan cara menebuk pada nombor-nombor yang terdapat pada kad tersebut. Corak lubang yang terbentuk pada kad tersebut mewakili maklumat yang penting dan maklumat tersebut akan kekal disitu (dalam <http://www.computerhistory.org/>). Pada awal penciptaannya, ‘kad tebuk’ memerlukan mesinnya untuk menebuk maklumat pada kad tersebut. Namun begitu, perubahan zaman telah berlakunya revolusi pada ‘kad tebuk’ ini dan menyebabkan kaedah yang sama digunakan tetapi dilakukan secara dalam talian. Contohnya, pengguna hanya perlu *log in* di dalam komputer bagi merekod maklumat mereka. Walaupun revolusi teknologi telah berlaku namun, alat ini masih mendukung konsep yang sama, iaitu maklumat direkod dengan cepat dan maklumat akan ditinggalkan di situ.



Gambar 5: Kad Tebuk

Sumber: (<http://www.computerhistory.org>)

Pada umumnya, istilah ‘kad tebuk’ kurang diketahui. Hal ini demikian kerana, masyarakat lebih mengetahui istilah *punch card* berbanding ‘kad tebuk’. *Punch card* merupakan alat yang sering digunakan terutamanya dalam bidang pekerjaan yang selari dengan teknologi maklumat kerana tugasnya untuk merekod dan menganalisis waktu masuk dan keluar pekerja. Penggunaannya sangat meluas dan ini menyebabkan masyarakat lebih mengetahui istilah *punch card* berbanding dengan istilah ‘kad tebuk’.

Seterusnya, pengkaji mendapati responden juga mengalami masalah untuk mengetahui makna istilah ‘sandar’. Sebanyak 26.0% tidak mengetahui makna istilah ini, 7.0% pernah melihat dan mendengar istilah ini. Selebihnya, 24.0% tahu makna istilah ini tetapi tidak pasti 16.0% tahu makna istilah ini dengan pasti. Hanya 27.0% tahu makna istilah ini dengan baik. Taburan ini menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan istilah yang sederhana. Hal ini demikian kerana, istilah ‘sandar’ susah ataupun jarang ditemui dalam penulisan yang berkaitan bidang teknologi maklumat.

Dalam bahasa Melayu, istilah aktiviti ‘sandar’ dalam teknologi maklumat dipadankan dengan kata ‘sandar’ yang membawa maksud (1) meletakkan belakang (bahu, dada, dll) pada sesuatu supaya teguh atau selesa, duduk sambil bertopang (2) berharap (bergantung) pada, beralasan (berdasarkan) pada sesuatu KD4 (2013). *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI) juga memberikandefinisi yang sama bagi kata ‘sandar’. Justeru, ‘Sandar’ yang mempunyai konsep bergantung telah dipilih dari bahasa Melayu sebagai kata yang lazim untuk diangkat sebagai istilah dalam bidang teknologi maklumat. Istilah ‘sandar’ merupakan istilah dalam bahasa Melayu yang sukar diketahui oleh responden kerana maklumat ‘sandar’ dalam kognisi responden lebih kepada perbuatan menyandar kepada sesuatu dan pelakunya ialah manusia. Berlainan dengan istilah *backup* yang sudah maklum oleh pengguna teknologi maklumat sebagai sesuatu perbuatan yang perlu dilakukan supaya data yang hilang dapat dikembalikan seperti sedia kala. Hal ini demikian kerana, jika pengguna komputer mengalami masalah seperti virus dan sebagainya, pengguna akan membuat *backup* terlebih dahulu supaya data yang penting tidak akan hilang apabila komputer tersebut diformat atau dibaiki. Istilah tersebut juga dipadankan dengan ‘sokongan’ dan selalu muncul dalam bentuk rangkaian kata. Contohnya, *backup file*, *backup power*, *backup system*.

Leksikal ‘Sandar’ yang lebih diketahui oleh responden sebagai sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh manusia tidak dapat disesuaikan dengan *backup* yang lebih diketahui dan difahami sebagai istilah dalam bidang teknologi maklumat. Oleh itu, kesan kognitif yang rendah telah menyebabkan responden kurang mengetahui istilah ‘sandar’.

Hasil kajian menunjukkan pengetahuan responden terhadap istilah aturcara dalam teknologi maklumat iaitu ‘tapak web’ adalah rendah. Sebanyak 20.0% responden tidak pernah mendengar istilah ini, hanya 10.0% pernah mendengar atau melihat istilah ‘tapak web’. Selanjutnya, 22.0% tahu makna


istilah ini tetapi tidak pasti manakala 23.0% tahu makna istilah dengan pasti dan selebihnya 25.0% tahu akan istilah ini. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan responden tidak mengetahui istilah ‘tapak web’ yang wujud dalam bidang teknologi maklumat.

‘Tapak web’ merupakan terjemahan daripada bahasa sumbernya, bahasa Inggeris *website*. Pada era ledakan teknologi maklumat pada tahun 1994, penggunaan ‘tapak web’ sebagai terjemahan untuk *website* telah menjadi kebiasaan sehingga kini. Berdasarkan bentuk terjemahan sedia ada, istilah *web* sepatutnya dipadankan dengan kata ‘sawang’. Namun, dalam bahasa Melayu proses penggandaan separa telah memainkan peranan yang penting dalam membezakan istilah ‘sesawang’ dengan kata ‘sawang’. ‘Sawang’ yang membawa maksud sarang labah-labah, kotoran yang terdapat pada langit-langit *KD4* (2013). Konsep ‘sawang’ yang dibayangi oleh masyarakat Melayu tidak dapat diubah lagi. Dalam masyarakat Melayu ‘sawang’ bukanlah sesuatu yang digemari dalam kehidupan. Definisi ‘sawang’ sendiri telah menunjukkan bahawa ‘sawang’ merupakan sesuatu benda yang kotor dan masyarakat Melayu amat sensitif dengannya. Oleh itu, penggubalan istilah telah menggunakan kaedah gandaan bagi menggantikan istilah kata *web*.

Walaupun kata ‘sawang’ telah mengalami penggandaan separa dan membentuk ‘sesawang’ namun, kata ini tidak dimasyarakatkan dengan baik bagi istilah ‘tapak sesawang’. Carian korpus membuktikan bahawa kata ‘sesawang’ hanya ditemui dalam istilah ‘laman sesawang’ iaitu *webpage* bukan ‘tapak sesawang’. Begitu juga dengan carian melalui mesin enjin carian *Google* hanya 55,000 keputusan bagi ‘tapak sesawang’ dan 1,240,000 bagi ‘tapak web’. Hal ini jelas menunjukkan ‘tapak web’ lebih banyak digunakan dalam bidang teknologi maklumat. *Web* merupakan salah satu kata yang dipinjam daripada bahasa Inggeris dan disesuaikan dalam bahasa Melayu. Dalam peristilahan, peminjaman kata sudah tidak asing lagi kerana ketiadaan kata yang sesuai dari bahasa Melayu, klasik, dialek dan juga bahasa serumpun. Peminjaman memang merupakan satu keperluan bagi bahasa untuk berkembang dan pengayaan khazanah perbendaharaan sesuatu bahasa (Puteri Roslina 2012).

Pada umumnya, istilah *web* ataupun ‘sesawang’ tidak menjadi masalah untuk diketahui sebagai istilah ‘tapak web’. Hal ini demikian kerana, istilah ‘lalaman web’ turut diuji dalam kajian ini dan keputusan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan peratusan yang ketara antara istilah ‘tapak web’ dan ‘lalaman web’. Sebanyak 54.0% mengetahui istilah tersebut, diikuti oleh 27.0% tahu makna istilah ini dengan pasti dan 14.0% tahu makna istilah tetapi tidak pasti betul ataupun salah dan 3.0% pernah mendengar dan melihat istilah ini. Hanya 2.0% tidak pernah mendengar istilah ini. Dapatan ini dengan jelas menunjukkan tahap pengetahuan responden lebih baik terhadap istilah ‘lalaman web’ berbanding ‘tapak web,’ walaupun kedua-dua istilah ini hadir dengan istilah *web*. Istilah ‘lalaman web’ lebih diketahui oleh responden kerana kehadiran kata ‘lalaman’ pada istilah tersebut. Penggunaan istilah ‘lalaman’ ataupun ‘laman’ lebih diketahui oleh responden kerana istilah ini sentiasa ditemui dalam penulisan ilmiah dan ini dibuktikan melalui carian korpus DBP.

Berdasarkan Rajah 4, kawasan tempat tinggal merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan responden terhadap istilah teknologi maklumat. Rajah 4 juga menunjukkan responden yang tinggal di kawasan bandar mempunyai pengetahuan yang ‘sangat baik’ istilah-istilah teknologi maklumat dari segi alatan mahupun aktiviti, iaitu sebanyak 50.0% dan peratusan ini agak berbeza jauh dengan responden yang tinggal di kawasan luar bandar iaitu 39.0%. Sebanyak 5.0% dari responden yang tinggal di kawasan bandar dan 4.0% dari responden di kawasan luar bandar berada pada tahap pengetahuan yang ‘baik’. Seterusnya, tahap pengetahuan sederhana hanya ditemui dalam peratusan responden yang tinggal di kawasan luar bandar, iaitu sebanyak 2.0%. Hal ini demikian kerana, latar belakang sosial seperti kawasan tempat tinggal menjadi penyumbang kepada perkembangan ilmu seseorang. Responden yang tinggal di kawasan bandar lebih terdedah dengan teknologi maklumat disebabkan peluang-peluang yang terdapat di kawasan bandar.



Rajah 4: Tahap Pengetahuan Istilah Teknologi Maklumat Mengikut Kawasan Tempat Tinggal

Hasil kajian ini selari dengan penjelasan Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2009) yang mengkaji Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjau ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. Hasil kajian mereka mendapati bahawa tahap pendedahan remaja terhadap bahan yang berasaskan komputer dan teknologi masih pada tahap paling rendah. Seterusnya, Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2014 berkata:

...adalah amat penting bagi inisiatif penerapan digital dilaksanakan bagi masyarakat luar bandar, hal ini disebabkan penduduk luar bandar kurang terdedah kepada kemudahan itu dan menjadikan kumpulan tersebut kumpulan yang terpinggir (BERNAMA 17 Sept).

Selanjutnya, kajian ini mendapati terdapat beberapa istilah aktiviti dalam bidang teknologi maklumat yang diketahui oleh responden dengan 'makna yang pasti'. Bagi istilah 'penggodaman', 17.0% mengetahui makna istilah dengan pasti. Dapatan kajian menunjukkan responden tahu dan kenal akan istilah ini dengan baik. Istilah 'penggodaman' berasal dari kata dasar 'godam' yang membawa maksud 'palu besar' dan penggodam boleh merujuk kepada orang yang memalu godam. Berdasarkan KD4 (2013) penggodam ditakrifkan sebagai "orang yang mencerooboh masuk ke dalam sistem komputer untuk mengakses data dan maklumat sulit dan sebagainya dengan tujuan yang tidak pasti". Bagi penutur bahasa Melayu terutamanya golongan muda, kata 'godam' sering dikaitkan dengan perbuatan melakukan apa-apa sahaja tanpa beraturan ke atas sesuatu dengan tujuan merosakkan dan memusnahkan (Junaini Kasdan 2007). Perluasan makna terhadap kata 'godam' telah membolehkan kata ini menjadi padanan istilah bagi istilah *hacker* dalam sistem teknologi maklumat. Konsep ini telah membolehkan responden mengetahui istilah ini sebagai kata khusus bidang teknologi maklumat, iaitu 'penggodaman' merupakan kata nama yang mendukung makna sebagai perbuatan atau tindakan mencerooboh masuk ke dalam sistem komputer orang lain untuk mencuri dan maklumat sulit KD4 (2013).

Kajian juga mendapati istilah aktiviti 'pratonton' diketahui oleh responden dengan pasti. Sebanyak 18.0% tahu makna istilah ini dengan pasti. 'Pratonton' merupakan padanan istilah kepada *preview* yang membawa maksud perincian yang dipaparkan di skrin dan membantu pengguna untuk melihat dan meneliti dengan lebih terperinci sesuatu dokumen itu (Kamus Internet 2002). Penggunaan imbuhan *pre-* yang membawa maksud 'sebelum' atau 'sebelumnya' (PUPIBM, 2004) dalam bahasa Inggeris telah dipadankan dengan imbuhan *pra-* dalam bahasa Melayu bagi istilah 'pratonton'. Hal ini demikian kerana, informan tahu dan faham akan konsep tonton iaitu 'melihat atau menyaksikan sesuatu' begitu juga dengan *view*. Konsep yang sama telah didukung oleh kedua-dua bahasa ini telah membolehkan responden mengetahui dengan mudah istilah tersebut. Dalam erti kata lain, gabungan

rangsangan luaran dan dalaman menjadi input kepada proses kognitif yang sentiasa berlaku dalam kognisi manusia (Junaini Kasdan 2013). Oleh itu, dengan bantuan luaran dan dalaman telah membolehkan responden membuat andaian dan seterusnya memadankan istilah dalam konteks bidang teknologi maklumat serta mencapai makna yang dikehendaki.

Berdasarkan kajian ini, makna istilah bagi alatan ‘pengimbas’, ‘cakera keras’, dan ‘Ingatan Capaian Rawak (RAM)’ diketahui oleh responden dengan tidak pasti. Kajian merekodkan 10.0% tahu akan makna istilah ‘pengimbas’ dan ‘cakera keras’ tetapi tidak pasti betul atau salah. ‘Pengimbas’ merupakan kata dasar yang telah diberi imbuhan awalan /peN-/ bagi menunjukkan sebagai pelaku, sama ada pelaku tersebut manusia ataupun bukan. Dalam kepesatan teknologi maklumat, peranti input bagi komputer akan bertambah. Begitu juga dengan ‘pengimbas’ yang hadir selepas ‘pencetak’. ‘Pengimbas’ dan ‘pencetak’ akan menggunakan peranti yang sama tetapi berlainan fungsi. Alat ini dikenali sebagai *scanner* dalam kalangan pengamal teknologi maklumat dan juga orang awam. Dalam bahasa sumbernya iaitu bahasa Inggeris *scanner* ditakrifkan sebagai *...a scanner or optical scanner is a hardware input device that optically ‘reads’ and image and converts it into a digital signal...* (<https://www.computerhope.com/jargon/o/optiscan.htm>).

‘Pengimbas’ dalam bahasa Melayu berasal dari kata ‘imbas’ yang bererti (1) arus udara (2) arus elektrik *KD4*. Junaini Kasdan (2007) menyatakan bahawa erti ‘imbas’ secara kasarnya tidak dapat menepati konsep sebenar ‘pengimbas’. Beliau menambah lagi dalam bahasa Melayu terdapat kata ‘imbas-imbas’. Konsep yang didukung oleh ‘imbas-imbas’ ini telah dikaitkan dengan istilah ‘pengimbas’. Konsep ‘imbas-imbas’ iaitu hampir sama, seakan-akan *KD4* (2013) telah diperluaskan dan dapat menepati konsep “perubahan daripada bentuk yang lain kepada bentuk yang lain, iaitu daripada bentuk aksara atau corak kod pada kertas kepada bentuk kod data atau digital dan bentuk yang dihasilkan adalah hampir sama atau serupa”. Responden mempunyai interpretasi terhadap istilah ‘pengimbas’ dalam kognisi mereka. Namun responden lebih terdedah dengan istilah *scanner* yang berasal daripada bahasa Inggeris. Kurang pendedahan mengakibatkan kesan kognitif sukar dihasilkan.

Selanjutnya, analisis tahap pengetahuan istilah ‘cakera keras’ juga menunjukkan taburan peratusan yang sama dengan istilah ‘pengimbas’. ‘Cakera keras’ merupakan pembentukan istilah yang mengutamakan kata daripada bahasa Melayu termasuklah bahasa Melayu klasik. Perkataan ‘cakera’ yang dahulunya membawa maksud peralatan sukan atau roda bulat, kini diperluaskan makna untuk mendukung makna yang khusus seperti ‘cakera keras’ (*hard disk*) dalam bidang komputer. Walaupun pada asalnya perkataan ‘cakera’ tidak mendukung makna seperti *disk* dalam bahasa Inggeris namun, perkataan tersebut telah diperluaskan komponen maknanya untuk mendukung erti komponen yang terdapat dalam bidang teknologi maklumat (S. Nathesan 2001). Pemilihan untuk mengangkat kata ‘cakera’ daripada bahasa Melayu klasik sebagai kata khusus dalam bidang teknologi maklumat kerana konsep ‘cakera’ yang dapat mendukung makna sesuatu yang bulat dan keras serta tahan lasak. Lumrahnya, teknologi ini sentiasa mengalami perubahan dan revolusi dari segi bentuk dan fungsi tetapi konsep yang dibawa masih sama. Kata ‘cakera’ sudah berada dalam fikiran responden sebagai sesuatu yang bulat. Konsep ini tercipta dengan ciri-ciri tersendiri yang didorongi oleh pengkategorian objek tersebut.

Selain itu, responden juga didapati menghadapi masalah mengetahui istilah “Ingatan Capaian Rawak (RAM)”. Sebanyak 16.0% tidak pasti akan makna istilah ‘Ingatan Capaian Rawak (RAM)’. Dalam bidang teknologi maklumat, ‘Ingatan Capaian Rawak (RAM)’ merupakan perkakasan di dalam komputer yang bertugas untuk memproses data terutamanya menyimpan data. Istilah ini merupakan salah satu usaha Jawatankuasa Istilah berkaitan pembentukan istilah dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa sumbernya, iaitu bahasa Inggeris istilah ini dikenali sebagai *Random Access Memory* atau singkatannya *RAM* dan telah diterjemah dan disesuaikan dalam bahasa Melayu tetapi akronim atau singkatannya kekal. Berdasarkan, PUIBM (2004) MABBIM bersetuju bahawa istilah daripada bahasa sumbernya yang telah mempunyai akronim, diambil tanpa sebarang perubahan.

Bagi responden istilah ‘Ingatan Capaian Rawak’ agak mengelirukan untuk mengetahui makna sebenar. Hal ini demikian kerana, istilah tersebut tidak menjadi kebiasaan dalam kehidupan pengguna teknologi maklumat ataupun masyarakat. Akronimnya iaitu *RAM* lebih diketahui oleh para pengguna teknologi maklumat. Walaupun *RAM* lebih diketahui oleh masyarakat namun, nama penuh bagi akronim *RAM* masih tidak diketahui dengan pasti oleh pengguna awam teknologi ini. Hal ini disebabkan istilah ini mula diperkenalkan dengan akronimnya sekali. Apabila item-item penggabungan telah mantap, bentuk sumbernya sering dilupakan oleh pengguna bahasa (Muhammad Marwan Mohd Tanos & Nik Safiah Karim 2014). Masyarakat lebih terdedah dengan akronim *RAM* berbanding bentuk asal istilah ini. Sebagai bukti, kecanggihan telefon pintar pada masa kini telah menyebabkan syarikat-syarikat yang menghasilkan telefon pintar akan berusaha untuk memperbaharui atau menambah elemen yang lebih baik dan menarik pada keluaran mereka. Salah satu elemen tersebut ialah ‘Ingatan Capaian Rawak (*RAM*)’. Iklan-iklan mengenai telefon pintar ini telah tersebar luar melalui akhbar, televisyen, media sosial dan sebagainya. Spesifikasi mengenai sesuatu telefon pintar akan disenaraikan dalam iklan tersebut dan istilah *RAM* akan digunakan bagi merujuk kepada perincian telefon pintar tersebut. Hal ini demikian kerana, telefon pintar yang mempunyai *RAM* yang agak tinggi akan menjadi pilihan pengguna. Contoh butiran telefon pintar jenama Huawei yang disenaraikan dalam Utusan Online (2015):

Huawei P8

Saiz: 144.9mm x 72.1mm x 6.4mm

Paparan: 5.2 inci skrin FHD, 1080p (1920 x 1080); 421ppi; 16M warna.

Memori: 3GB RAM, 16GB ROM

Perisian: Android 5.0

Pemproses: EMUI 3.1

Kapasiti bateri: 2680mAh

Kamera: 13MP (belakang), 8MP (depan)

Harga: RM1,799

Responden kajian merupakan pengguna telefon pintar pada masa kini. Oleh itu, pengkaji mendapati responden lebih terdedah dengan akronim *RAM* daripada bentuk kata asal dan menyebabkan responden kurang pasti makna istilah ini kerana tidak mengetahui bentuk sumber *RAM* sama ada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini meneliti tahap pengetahuan beberapa istilah yang terdiri daripada alatan, atur cara komputer dan juga aktiviti dalam bidang teknologi maklumat. Hasil kajian mendapati sebilangan responden mengetahui beberapa istilah ‘dengan pasti’. Di samping itu, terdapat responden ‘tidak pasti’ mengetahui istilah yang diberikan kepada mereka. Malahan terdapat responden tidak ‘tidak tahu’ istilah teknologi maklumat tersebut. Peratusan yang diperolehi menunjukkan aspek sosial mempengaruhi kognitif responden. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2010) menyatakan maklumat budaya, persekitaran atau konteks diperlukan untuk menentukan pengetahuan makna sesuatu perkataan.

Selain itu, konsep yang didukung oleh istilah-istilah yang diketahui oleh responden ini telah berada dalam kognisi responden. Konsep amat memainkan peranan yang penting terutamanya, dalam memberi butiran mengenai sesuatu istilah yang terdapat dalam bidang tertentu. Hal ini demikian kerana, istilah merupakan sesuatu yang khusus dan kadangkala istilah berkongsi dengan kata umum namun membawa maksud yang berbeza. Justeru, takrifan istilah amat penting dalam memberi makna konsep bagi istilah tersebut. Menurut Puteri Roslina (2012), takrif dalam peristilahan ialah deskripsi ringkas dan dipersembahkan secara leksikografikal atau format bentuk kamus dan ini amat berkait rapat dengan

konsep. Penguasaan terhadap sesuatu konsep akan meningkatkan pengetahuan responden terhadap istilah-istilah tersebut. Ekoran itulah, istilah ‘kad tebuk’, ‘sandar’ dan ‘tapak web’ tidak diketahui oleh kebanyakan responden kerana istilah tersebut tidak wujud dalam leksikon responden. Sehubungan dengan itu, kajian mendapati aspek sosial juga mempengaruhi responden dalam mengetahui istilah-istilah yang dikaji dan dapat disimpulkan bahawa sosial memainkan peranan yang penting dalam mencapai kesan kognitif responden terhadap istilah-istilah teknologi maklumat

Rujukan

- Anati Hamidah binti Arifin. 2016. Tahap pengetahuan dan pemahaman dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun: Analisis Sosiokognitif. Tesis MA. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamurin & Zarin Ismail. 2009. Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjau ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *Sari*. 27: 199-212.
- Abdul Razak Hamdan, Mohd Zakree Ahmad Nazri, Mohammad Faizul Nasrudin, Hafiz Mohd Sarim, Mohd Shanudin Zakaria, Yazrina Yahya & Mohd Zamri Murah. 2004. *Teknologi Maklumat & Komunikasi*. Edisi kedua. Penerbit Mc Graw Hill Education.
- Abdul Razak Hamdan, Zoraini Wati Abas, Abd. Rahman Ramli, Abdul Hamid Abdul Rahman & Putri Aishah Megat Ahmad. (pnys.). 2005. *Istilah Teknologi Maklumat: Teknologi Maklumat dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hussein & Kamaliah Hj. Siarap. 2000. Penggunaan Teknologi Komunikasi-Informasi Di kalangan Ahli Akademik Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 16: 119-130.
- Azizan Bahari. 2005. *Menghayati Kerja Sukarela*. Petaling Jaya : Qarya Sdn. Bhd
- Bandura, A. 1999. Social Cognitive Theory: An Agentic Perspective. *Asian Journal of Social Psychology*. 2: 21-41.
- Berita Harian. 2017. 22 April. <https://www.bharian.com.my/node/274647> [19 Mei 2017: 12:39]
- Junaini Kasdan. 2007. Perbezaan Tahap Ketelusan Morfosemantik antara Istilah Teknologi Maklumat Malaysia dengan Indonesia dalam MABBIM. Tesis Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan. 2011. Sikap, Persepsi Dan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Sosiokognitif. Tesis Dr. Fal, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan. 2013. Pengetahuan Dan Pemahaman Leksikal Bahasa Istana Dalam Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes. *Seminar Institusi Raja (Siraj)*. Anjuran UNIMAP Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-70 DYMM Tuanku Raja Perlis Dengan Kerjasama Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 5-6 Jun.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Binti Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2011. “bersama” Dan “bersama-sama dengan”: Analisis Sosiokognitif. *Jurnal Linguistik* 14: 1-18.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa & Zuhairah Idrus. 2017. Gandaan Separa dalam Terminologi Bahasa Melayu: Analisis Siositerminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(1): 183-202.
- Kamus Dewan. 2013. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- David Brown Jr. 2002. *Kamus Internet*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Meliono, Irmayanti, Editors. Pengetahuan [Monograph On The Internet]. Jakarta: Lembaga Penerbitan Feui; 2007 [Cited 2009 Jun 10]. Available From : [Http ://Id.Wikipedia.Org/Wiki/Pengetahuan](http://Id.Wikipedia.Org/Wiki/Pengetahuan).
- Mokhtar Ahmad. 1999. *Jalan Pantas Teknologi Maklumat*. Gombak: ABM Directional Consultancy.
- Mohd Khairul Anuar. 2011. *Pengetahuan, Persepsi Dan Pemahaman Terhadap Penghayatan Patriotisme Dan Nasionalisme Dalam Kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara Di Malaysia*. Tesis MA. Universiti Putra Malaysia
- Mohd Zamri Murah, Abdul Razak Hamdan, Mohamad Shanudin Zakaria, Yazrina Yahya, Mohd Zakree Mohd Nazri, Haz Mohd Sarim, Mohammad Faizul Nasrudin, Ibrahim Mohamed, Jamaiah Yahya. 2011. *Teknologi Maklumat Dan Persekitaran*. Malaysia: Creative Common.

- Muhammad Marwan Mohd Tanos & Nik Safiah Karim. 2014. Proses Pemendekan dalam Pembentukan Kata Submorfologi Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2(3): 51-65.
- Musa Abu Hassan. 2002. *Peranan dan Penggunaan ICT di Kalangan Masyarakat*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nik Hairi Omar, Mohd Azul Mohamd Salleh & Norizan Abdul Razak. 2006. Penilaian Kecekapan Teknologi Komunikasi Maklumat (Tkm) Dalam Kalangan Pelajar Sains Sosial. *Jurnal Pendidikan*. 26: 63-77.
- Noor Aini Ahmad. 2014. Mengintegrasikan Teknologi Komunikasi Dan Maklumat Sebagai Media Pengajaran Bahasa Dalam Kalangan Kanak-Kanak Awal Umur. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(2): 36-43.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. 2010. Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *Journal of Language Studies*. 10(3): 67-87.
- Notoatmodjo Soekidjo. 2003. *Pendidikan Dan Perilaku Kesehatan*. Rineka Cipta : Jakarta.
- Oxford English Dictionary : edisi kedua. 1989. London: Oxford University Press.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu. 2004. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu. 1990. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rahmad Sukor Ab Samad & Mohd Subhi Marsan. 2001. Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengurusan Sekolah. *Issues in Education*. 24: 110-126.
- Rusli Abdul Ghani & Hazimah Yusof. Penggunaan Istilah Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Suatu Kajian Berdasarkan Teks Akhbar Harian. Kertas Kerja Seminar Cabaran Penulisan Sains dan Teknologi Dalam Alaf Baru 2001. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka dan dikendalikan oleh Jawatankuasa Peristilahan Fizik antara Universiti (JPFAU). Kelab Rekreasi UKM, Bangi, 25-26 April.
- S. Nathesan. 2001. Istilah Sains dalam Bahasa Melayu: Usaha Memperkaya dan Mengupayakannya. *Jurnal Bahasa*. 1(4): 519-545.
- S. Z. Abdul Manaf, R. Din, A. Hamdan, N. S. Mat Salleh, I. F. Kamsin & J. Abdul Aziz. 2015. Penggunaan Komputer dan Internet Web 2.0 dalam Kalangan Generasi Y Pelajar Universiti. *Journal of Advanced Research Design*. 7(1): 10-18.
- Sinar Harian*. 2017. 23 Mac. <http://www.sinarharian.com.my/semasa/lelaki-ditahan-muat-naik-kenyataan-jelik-1.648467> [19 Mei 2017: 12:40]. *Utusan Malaysia*. 2005. 3 April. http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0403&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_04.htm&arc=hive [19 Mei 2017: 1:30].
- Zawiyah Mohammad Yusof & Norli Mohamed Noor. 2010. Konflik dan Kesamaran Peranan dalam Kalangan Personel Teknologi Maklumat dalam Perkhidmatan Tentera Darat Malaysia. *Akademika*. 78: 59-66.
- <http://www.arkib.gov.my/web/guest/perkembangan-telekomunikasi-negara2> [3 Mei 2017: 10:20].
- <https://www.coursehero.com/file/17862931/The-Computer-Mousepdf/> [18 Mei 2017: 11:20]
- <http://www.miti.gov.my/> [19 Mei 2017: 12:51]
- <http://www.computerhistory.org/> [19 Mei 2017: 12:52.]
- http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=7873:2014-09-18-01-53-43&catid=118&Itemid=254&lang=ms [20 Mei 2017: 4:56].